

# Abai potensi wanita suatu diskriminasi

Majikan perlu tingkat peratusan golongan hawa sebagai pembuat dasar

Oleh Nor Afzan Mohamad Yusof  
afzan@bh.com.my

■ Putrajaya

**M**emandang rendah keupayaan wanita dalam dunia kerja dianggap satu bentuk diskriminasi gender dan seharusnya dielakkan untuk memastikan agenda meningkatkan peratusan wanita sebagai pembuat dasar terlaksana.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Azizah Mohd Dun, berkata sekiranya situasi itu tidak dibendung negara akan kehilangan pekerja wanita yang berkualiti dan produktif.

Katanya, pada era globalisasi ini masih ramai wanita menjadi mangsa diskriminasi dan penindasan.

"Contohnya, ada wanita hamil yang tidak diambil bekerja kerana melihat kurang berkemampuan dan cekap.

"Majikan seharusnya menyediakan kemudahan dan skop kerja sesuai keadaan wanita berkenaan, bukan menutup terus peluang pekerjaan," katanya selepas merasmikan Konvensyen Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga



Azizah bergambar bersama peserta Konvensyen Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga 2017 di Putrajaya, baru-baru ini.

## Info

### MPWK

- Ditubuhkan pada 2002.
- Sebagai mekanisme penting KPWK bagi melaksanakan program pembangunan wanita dan keluarga pada peringkat akar umbi.
- Membantu sebar luas maklumat mengenai bantuan.
- Pelbagai program dan perkhidmatan disediakan.

(MPWK) 2017 bertemakan 'Wanita Abad Ke-21: Mendepani Perubahan' di Putrajaya, baru-baru ini.

Konvensyen itu dianjurkan oleh Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) yang dihadiri lebih 200 pegawai MPWK peringkat negeri dan Parlimen.

Yang hadir sama, ialah Ketua Pengarah JPW, Datuk Yatimah Sa'rijman.

### Pesimis keupayaan wanita

Azizah berkata, sikap pesimis setengah pihak terhadap keupayaan wanita memegang jawatan tertinggi perlu dibuang.

Sesebuah organisasi perlu lebih prihatin terhadap kewibawaan, keupayaan dan kecekapan wanita de-

ngan mengetepikan aspek perbezaan gender.

"Justeru, saya menyeru semua MPWK bekerjasama membantu kerajaan mengetengahkan isi berkaitan wanita bagi memastikan golongan itu dilindungi apa sahaja bentuk diskriminasi di tempat kerja," katanya.

Konvensyen kali ini membincangkan topik kepimpinan, media, undang-undang dan ekonomi. Rumusannya akan dikemukakan kepada Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (PWKM).

Konvensyen itu antara lain bertujuan memperkasa wanita menerusi peranan pemimpin pada peringkat akar umbi.